

26/09/2003

Dunia sudah hilang arah (HL)

Hafifi Hafidz

NEW YORK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghapuskan kuasa veto satu negara dan digantikan dengan dua kuasa veto serta perlu disokong tiga lagi anggota Majlis Keselamatan bagi menghalang sebarang resolusi PBB.

Perdana Menteri berkata, cara itu boleh dilaksanakan pada peringkat awal penyusunan semula PBB dalam usaha mengembalikan kewibawaan badan dunia itu.

"Jika kita mahu demokrasi, menegakkan undang-undang dan menghormati hak asasi manusia, negara yang kuat mesti membuktikan mereka menjunjung dan sedia melaksanakan semua idea itu.

"Mereka melakukannya dengan menyusun semula PBB terutama dengan menghapuskan amalan kuasa veto sebuah negara yang tidak demokratik.

"Ini harus digantikan dengan kaedah penggunaan kuasa veto yang diubah suai iaitu dua negara berkuasa veto dan perlu disokong oleh tiga negara lain anggota Majlis Keselamatan untuk menghalang sebarang ketetapan PBB.

"Akhirnya ini juga harus dihapuskan dan keputusan dibuat berdasarkan sokongan majoriti majlis," katanya berucap selama 13 minit bermula jam 10.55 pagi (10.55 malam waktu Malaysia) pada Perhimpunan Agung PBB ke-58 di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, agensi lain dalam PBB juga mesti bebas daripada kongkongan kuasa besar manakala pasaran terbuka perlu diiktiraf tanpa ada tekanan ekonomi.

Selain itu, katanya, kadar pertukaran mata wang ditetapkan Suruhanjaya Antarabangsa berdasarkan isu yang relevan manakala subsidi oleh negara kaya untuk pengeluaran makanan perlu disekat walaupun negara miskin dibenarkan untuk tempoh tertentu bagi melindungi kegiatan mereka.

Perdana Menteri menegaskan dunia hari ini sudah hilang arah dan semakin bergolak, manakala PBB yang sepatutnya menjadi pentadbir dunia dan organisasi mulia gagal melindungi negara miskin dan lemah daripada ditindas, setiap keputusannya pula tidak lagi didengar serta mudah diketepikan kuasa tetap lima negara.

"Umpama badan manusia, anggota tubuh PBB kini sudah dibedah, dikerat dan disambung semula agar ia bergerak seperti boneka sebagaimana dikehendaki tuannya.

"Dalam keadaan PBB yang tidak bermaya, semua agensi lain di bawah naungannya pula bertukar menjadi anggota tubuh badan utama kepada negara berkuasa. Negara kecil menjadi bogel dan dirundung malang.

"Walaupun mereka jelas berada di pihak benar, tiada apa yang dapat dilakukan untuk menahan sebarang dakwaan dikemukakan terhadap mereka walaupun ia sengaja diada-adakan," katanya.

Dr Mahathir mengupas satu persatu bagi menggambarkan apa yang dianggap beliau sebagai dunia sudah kehilangan arah. Antaranya ialah krisis kewangan di Asia pada 1997, runtuhnya syarikat Dot.Com akibat penipuan konglomerat antarabangsa yang kaya, peristiwa hitam 11 September, penaklukan ke atas Afghanistan dan Iraq serta serangan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Menyebut sebanyak dua kali "dunia sudah hilang arah" dalam ucapannya yang sinis, Dr Mahathir mengingatkan masyarakat dunia bahawa PBB yang disandarkan harapan tinggi hari ini runtuh kerana berdiri tegak atas kaki yang lembik.

Katanya, Malaysia berpendapat adalah perlu kejujuran, ketulusan dan kemampuan dalam PBB dipulihkan semula selepas mereka yang berkuasa dan melaungkan kebebasan bersuara, sering enggan mematuhi norma amalan antarabangsa.

Tegas beliau, walaupun perhimpunan PBB adalah tempat negara besar dan

kecil menyatakan pandangan dan rasa tidak puas hatinya, ia terpaksa tunduk kepada Majlis Keselamatan menjadikan PBB tidak lagi demokratik.

"Dunia sudah hilang arah. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua dan Perang Dingin, kesan unipolar dunia dan kekuasaan kapitalisme muncul sebagai ancaman baru. Tiada negara yang selamat dari diserang oleh pedagang mata wang sehingga lumpuh ekonomi yang dibina," katanya.

Bukannya mahu bertindak mengekang perbuatan penyamun mata wang itu, malah tambah Perdana Menteri, tindakan mereka itu dipuji menggunung kononnya bersikap dermawan.

"Sekurang-kurangnya Robin Hood merompak si-kaya untuk diberi kepada yang miskin. Tetapi mereka merompak si-miskin dan supaya rasa kurang bersalah atas perbuatan itu, mereka memberi semula sedikit," katanya.

Dr Mahathir berkata, dunia unipolar yang dikuasai oleh negara yang melaungkan demokrasi, kini mewujudkan suasana ekonomi yang kucar-kacir, anarki politik, ketakutan dan ketidakpastian.

Beliau yakin disebabkan banyak negara tidak sanggup dan bersedia menerima ancaman sedemikian, kedamaian tidak akan wujud dan ekonomi tidak akan pulih semula.

"Dunia sudah hilang arah. Dunia bergerak terlalu pantas tanpa berhenti seketika untuk membawa bersamanya keperluan yang wajar. Pepatah Melayu ada menyebut, jika sesat di hujung jalan, patah semula ke pangkal jalan.

"Begitu juga kita perlu mengakui sebahagian besar masalah yang berlaku hari ini adalah kesan daripada tindakan merampas tanah milik Palestin bagi membolehkan negara Israel ditubuhkan demi menangani masalah orang Yahudi Eropah," katanya.

Selepas ucapan itu, Dr Mahathir mendapat tepukan gemuruh yang lebih panjang berbanding tepukan diterima Presiden Amerika, George W Bush dua hari lalu.